



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT

DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR

MENTERI KESIHATAN

SEMPENA SAMBUTAN HARI TB SEDUNIA 2025

24 MAC 2025

TEMA:

*“YES! WE CAN END TB: COMMIT, INVEST, DELIVER”*

1. *Tuberculosis* atau TB adalah penyakit berjangkit yang merebak melalui udara yang disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis*. Organ utama yang selalu dijangkiti adalah paru-paru (*pulmonary TB*), namun ia juga boleh menjangkiti organ lain seperti otak (*meningitis TB*), tulang belakang (*spinal TB*), kelenjar limfa (*lymph node TB*), perut (*abdominal TB*) dan lain-lain.

2. Hari Tuberkulosis Sedunia disambut pada setiap 24 Mac bagi memperingati sejarah penemuan bakteria *Mycobacterium tuberculosis* oleh Dr. Robert Koch pada 24 Mac 1882. Tema sambutan Hari Tuberkulosis Sedunia pada tahun ini ialah “Yes! We Can End TB: Commit, Invest, Deliver”. Tema ini merupakan satu seruan tegas yang menekankan harapan, keperluan tindakan segera, serta kebertanggungjawaban semua pihak dalam menamatkan ancaman penyakit TB di seluruh dunia.
  
3. Menurut statistik yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2023, dianggarkan sebanyak 10.8 juta kes jangkitan TB berlaku di seluruh dunia dan mengakibatkan 1.25 juta kematian (termasuk 161,000 orang yang dijangkiti HIV). TB juga menjadi penyebab utama kematian penyakit berjangkit tiga tahun berturut-turut sebelum ianya digantikan oleh COVID-19. Oleh yang demikian, negara-negara di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam, perlu mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi memperkukuh lagi usaha pencegahan dan rawatan TB.
  
4. Di Negara Brunei Darussalam, penyakit TB tetap menjadi salah satu beban penyakit berjangkit. Jumlah Kes TB dan Kadar Insiden penyakit TB sejak 3 tahun kebelakangan ini ialah:

Tahun	Jumlah Kes	Kadar Insiden (Setiap 100,000 penduduk)	Perubahan dari Tahun sebelumnya
2024	235	53	-9.62%
2023	260	58	+16.07%

2022	224	50.2	-3.86%
------	-----	------	--------

5. Dalam pada itu, bagi mencapai sasaran dalam menurunkan jumlah kes TB di negara ini, Kementerian Kesihatan telah memfokuskan beberapa strategi dan tindakan pengawalan penyakit TB dengan membuat pendekatan seperti berikut:
- a) Peningkatan dan penambahbaikan sistem surveilans TB;
  - b) Pengemaskinian Garispandu Kawalan Tuberkulosis di Negara Brunei Darussalam bersama pakar Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO);
  - c) Peningkatan kesedaran semua pihak termasuk profesional kesihatan dan orang ramai tentang penyakit TB;
  - d) Pengukuhan Program Saringan Penyakit TB (*TB screening Program*) dengan kumpulan-kumpulan sasaran tertentu; dan
  - e) Memastikan rawatan diberikan dan dipatuhi sehingga sembuh supaya jangkitan TB tidak menular kepada orang lain dan menghindari kemunculan kekebalan kuman TB terhadap ubat-ubatan anti-TB.
6. Walaupun kadar kes kekebalan kuman TB terhadap ubat-ubatan anti-TB (*Multi-drug resistant TB* dan *extensively drug-resistant TB*) serta kes jangkitan TB di kalangan pesakit HIV (TB-HIV) di Negara Brunei Darussalam adalah sangat rendah, usaha bagi pengesanan awal dan memulakan rawatan dengan segera perlu ditingkatkan. Kementerian Kesihatan sangat komited dan akan terus proaktif dalam memastikan cabaran tersebut sentiasa terkawal di negara ini.
7. Bagi orang awam, diantara gejala-gejala TB yang perlu diketahui adalah batuk yang berpanjangan yang melebihi 2 minggu, batuk berdarah,

demam, berpeluh pada waktu malam, kurang selera dan penurunan berat badan. Sesiapa yang menghidap gejala-gejala ini disarankan untuk mendapatkan pemeriksaan doktor dari klinik-klinik yang berdekatan untuk mendapatkan rawatan dengan segera bagi mengelakkan daripada mendapat komplikasi serius, termasuk kematian. Selain itu, pesakit TB juga dinasihatkan untuk mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan dengan gigih dan titih kerana pengambilan ubat yang tidak konsisten boleh meningkatkan risiko untuk mendapat semula jangkitan TB atau mendapat *drug-resistant* TB.

8. Selaras dengan seruan “Yes! We Can End TB: Commit, Invest, Deliver”, Kementerian Kesihatan akan terus memastikan akses yang lebih mudah dan mesra pengguna bagi perkhidmatan kawalan TB, serta memperkukuh kerjasama pelbagai pihak. Kita amat berharap agar penyakit TB tidak lagi menjadi penyakit berjangkit di kalangan masyarakat pada masa akan datang. Dengan sokongan semua — masyarakat, ahli profesional kesihatan, sektor swasta, dan badan bukan kerajaan — InshaAllah kita semua akan dapat merealisasikan hasrat untuk menamatkan ancaman TB.

**-TAMAT-**